



# KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

LAPORAN TAHUNAN

2013

---

BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 2013



# KANDUNGAN

|                                           |           |
|-------------------------------------------|-----------|
| Perutusan Pengerusi .....                 | <b>4</b>  |
| Ahli-Ahli Panel.....                      | <b>6</b>  |
| Maklumat Latar Belakang KWAN.....         | <b>10</b> |
| Laporan Pengurus Dana.....                | <b>11</b> |
| Kedudukan Kewangan .....                  | <b>14</b> |
| Penyata Pengurusan Risiko .....           | <b>17</b> |
| Penyata Kewangan                          |           |
| - Laporan Ketua Audit Negara.....         | <b>18</b> |
| - Penyata Ahli Panel .....                | <b>20</b> |
| - Pengakuan Pegawai Utama.....            | <b>21</b> |
| - Penyata Kedudukan Kewangan .....        | <b>22</b> |
| - Penyata Pendapatan Komprehensif .....   | <b>23</b> |
| - Penyata Perubahan Dana Terkumpul .....  | <b>24</b> |
| - Penyata Aliran Tunai .....              | <b>25</b> |
| - Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan ..... | <b>26</b> |

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

## KEPERLUAN BERKANUN

Mengikut peruntukan Seksyen 11 dan 12 Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, Panel Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah mengemukakan kepada YBhg Menteri Kewangan satu naskah laporan tahunan ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara bagi tahun berakhir 31 Disember 2013 yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara.

Panel Kumpulan Wang Amanah Negara

April 2014

# PERUTUSAN PENGGERUSI

**Sejajar dengan dasar monetari akomodatif yang terus diusahakan oleh bank-bank utama, tanda-tanda awal pemulihan ekonomi global kini mula menampakkan hasil yang memberangsangkan. Walaupun pertumbuhan ekonomi global masih belum kukuh dan beberapa negara maju masih berdepan dengan risiko kadar inflasi yang amat rendah, peningkatan permintaan global, pelaburan korporat dan pemulihan pasaran perumahan dijangka akan dapat menyokong pemulihan yang lebih mampan dan mantap dalam masa yang terdekat. Namun, kemeruapan dalam aliran modal antarabangsa terus menjadi ancaman utama terhadap prospek pertumbuhan ekonomi, yang mana pada tahun 2013, aktiviti pelaburan pasaran kewangan terus kekal mencabar.**

Walaupun terdedah kepada keadaan ekonomi global yang tidak menentu, ekonomi Malaysia kekal bertahan, tersokong di atas permintaan domestik yang stabil serta keyakinan pelaburan asing yang berterusan. Permintaan domestik turut memainkan peranan utama dalam menjana pertumbuhan ekonomi Malaysia terutama sekali melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP). Pemulihan permintaan eksport yang selaras dengan perkembangan ekonomi global pada masa akan datang turut dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan ekonomi negara. Pihak kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah seperti pengurangan subsidi dan prospek perlaksanaan cukai barangan serta perkhidmatan (GST). Ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk mengekalkan keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi Malaysia, sekaligus menukar persepsi negatif ekoran kebimbangan imbalan fiskal negara.

Berlatarbelakangkan keyakinan ke atas sokongan berterusan daripada dasar monetari yang akomodatif, pasaran ekuiti mencatat peningkatan positif. Dalam pasaran bon global pula, kadar pulangan telah meningkat dan trend ini dijangka akan berterusan, seiring dengan bon perbendaharaan Amerika Syarikat atas kebarangkalian pemulihan ekonomi akan mencetus peningkatan kadar faedah.

Bagi pihak Panel KWAN, sukacita saya maklumkan bahawa nilai aset KWAN kini meningkat kepada RM9.513 bilion pada 31 Disember 2013 daripada RM6.989 bilion seperti yang telah diumumkan pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh sumbangan tahunan PETRONAS berjumlah RM2.0 bilion dan keuntungan bersih pelaburan sebanyak RM416.0 juta (RM255.0 juta daripada pendapatan kupon, faedah dan dividen; RM38.4 juta daripada keuntungan yang direalisasikan daripada urusan matawang asing dan pegangan bulion emas dan sekuriti; dan RM122.6 juta daripada pendapatan daripada dana yang diurus oleh pengurus dana luar).

Setakat 31 Disember 2013, jumlah keseluruhan dana sumbangan adalah berjumlah RM6.0 bilion, yang mana PETRONAS merupakan penyumbang tunggal sejak KWAN ditubuhkan pada tahun 1988.

Penubuhan KWAN merupakan salah satu langkah berpandangan jauh pihak kerajaan yang wajar diberi sokongan sepenuhnya. Ianya bertujuan untuk memastikan sumber-sumber asli negara yang menyusut digunakan secara optimum. Perolehan daripada sumber ini turut menjana pendapatan secara stabil dan berterusan kepada negara demi manfaat untuk generasi yang akan datang. Justeru itu, sumbangan tahunan KWAN sewajarnya meliputi bukan sahaja kesemua organisasi dan kerajaan negeri yang terlibat dan mendapat manfaat daripada pengeksploitasian sumber petroleum di Malaysia, malah turut merangkumi pengurusan serta pengeluaran daripada lain-lain sumber asli yang mengalami penyusutan di negara ini.

Selaras dengan penubuhan KWAN, saya ingin menyeru kepada semua pihak terlibat – pelbagai badan organisasi, syarikat swasta dan pihak kerajaan negeri – untuk tampil dan turut menyumbang ke dalam tabung KWAN. Saranan ini saya rasakan adalah munasabah memandangkan hasil daripada kekayaan alam semula jadi perlu diuruskan bersama dengan penuh dedikasi dan amanah. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memastikan yang hasil ini turut dapat dikongsi bersama generasi Malaysia yang akan datang.

Mungkin tiba masanya juga bagi skop pelaburan Akta KWAN 1988 dikaji semula dan diperluaskan dalam usaha untuk meningkatkan lagi kadar pulangan, melalui penerapan amalan pelaburan yang lebih moden dan fleksibel mengikut perkembangan pasaran kewangan semasa. Sepanjang tahun 2013, mesyuarat Panel KWAN telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 21 Februari dan 12 Julai 2013.

Segala usaha dan perancangan masa hadapan akan terus ditumpukan kepada pertumbuhan dana daripada segi penambahan sumber sumbangan dan peningkatan kadar pulangan bagi menambahkan keyakinan, melindungi serta memastikan kesinambungan dana untuk generasi masa hadapan.

**Tan Sri Dato' Shamsul Azhar Abbas**

# AHLI – AHLI PANEL



**PENGERUSI**

YBhg Tan Sri Dato' Shamsul Azhar Abbas



**TIMBALAN PENERUSI**

YBhg Dato' Mat Noor Nawawi



**AHLI PANEL**

YBhg Tan Sri Amirsham A Aziz



**AHLI PANEL**

YBhg Dato' Muhammad Ibrahim



**AHLI PANEL**

YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff



**SETIAUSAHA**

Puan Nuraini Ismail





## PENGERUSI

**Tan Sri Dato' Shamsul Azhar Abbas**, ialah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) yang merupakan syarikat minyak dan gas bersepadu Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah PETRONAS Carigali Sendirian Berhad, sebuah anak syarikat milik penuh PETRONAS yang mengendalikan perniagaan hulu.

Sebelum dilantik ke jawatan ini pada Februari 2010, Tan Sri Dato' Shamsul Azhar telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di PETRONAS, di antaranya ialah Naib Presiden Perniagaan Maritim & Logistik; Naib Presiden Carigali & Perniagaan Pengeluaran; Naib Presiden Perniagaan Minyak; serta Naib Presiden Perniagaan Petrokimia. Selain daripada itu, beliau juga telah meminjamkan khidmatnya sebagai Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif MISC Berhad, sebuah anak syarikat PETRONAS yang mengendalikan pengangkutan maritim dan logistik antarabangsa di antara tahun 2004 dan 2008.

Sepanjang perkhidmatan beliau selama 39 tahun di PETRONAS, Tan Sri Dato' Shamsul Azhar telah banyak berjasa dalam merintis jalan baru demi perkembangan syarikat yang berterusan. Ini termasuk pengambil alihan syarikat penapisan dan pemasaran Afrika Selatan, Engen Limited; pembangunan Kompleks Petrokimia Bersepadu Kerteh dan Gebeng; serta pembangunan Kompleks Penapisan di Melaka.

Hasil kepimpinan beliau jelas terbukti melalui Program Peningkatan Korporat (Corporate Enhancement Program, CEP) yang telah dilancarkan pada tahun 2010. Ia merupakan usaha memperkuat kemampuan strategik dan operasi PETRONAS. Langkah ini berjaya meningkatkan lagi daya saing syarikat, menjadikan PETRONAS lebih bersedia untuk menangani cabaran dan pertumbuhan di tahap global, setanding dengan syarikat minyak dan gas antarabangsa.

Tan Sri Dato' Shamsul Azhar memegang ijazah Masters of Science (MSc) dalam jurusan Pengurusan Tenaga daripada University of Pennsylvania, Amerika Syarikat; Ijazah Sarjana Muda dalam jurusan Sains Politik dan Ekonomi daripada Universiti Sains Malaysia; serta Diploma Teknikal dalam jurusan Ekonomi Petroleum daripada Institut Français du Pétrole di Paris, Perancis.

Beliau dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) dan merupakan ahli lembaga amanah Razak School of Government (RSOG) di Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN). Sumbangan beliau turut diiktiraf melalui Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM), iaitu anugerah kedua tertinggi Persekutuan. Beliau turut diberikan kehormatan Dato Paduka Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa Darjah Kedua (Brunei), serta Officier de la Légion d'Honneur oleh Kerajaan Perancis.

## TIMBALAN PENERUSI



### **YBhg Dato' Mat Noor Nawi**

ialah Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) Kementerian Kewangan (MOF).

Beliau memulakan kerjaya dalam perkhidmatan awam Malaysia dalam bulan Mei 1981 sebagai Ahli Ekonomi Pertanian di Persekutuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sebelum menyertai Unit Perancang Ekonomi (EPU) pada tahun 1983.

Beliau memegang pelbagai jawatan di EPU sehingga Oktober 2011, di mana tugas terakhir beliau adalah sebagai Timbalan Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri sebelum menyertai

Kementerian Kewangan.

Beliau merupakan Pengerusi Danainfra Nasional Berhad dan ahli Lembaga Pengarah Pelaburan Hartanah Berhad, Pengurusan Aset Air Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Bintulu Port Holdings Berhad.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Sains dalam Ekonomi dari University of Illinois, Amerika Syarikat.

---

## AHLI PANEL



### **YBhg Dato' Muhammad Ibrahim**

ialah Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia. Beliau adalah ahli Jawatankuasa Dasar Monetari dan Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Bank Negara Malaysia. Bidang portfolio beliau adalah pelaburan dan pasaran kewangan serta kemajuan sektor kewangan.

Beliau adalah ahli Majlis Kerusi Tun Ismail Ali dan Felo Institut Bank-Bank Malaysia. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan dan PETRONAS. Beliau adalah Pengerusi Agensi Akreditasi Kewangan dan Pengerusi

senat bagi Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF). Di samping itu, beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Irving Fisher untuk Statistik Bank Pusat, Bank for International Settlement.

Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan dari Universiti Malaya, Diploma Siswazah dalam Perbankan dan Kewangan Islam dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Ijazah Sarjana dari Universiti Harvard. Beliau juga merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia.

---

## AHLI PANEL



### **YBhg Tan Sri Amirsham A Aziz**

merupakan Pengerusi Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan pernah berkhidmat sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank, kumpulan perkhidmatan kewangan terbesar di Malaysia selama 14 tahun dari tahun 1994 hingga 2008. YBhg Tan Sri Amirsham telah dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dari 18 Mac 2008 hingga 9 April 2009 dan bertanggungjawab bagi Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Jabatan Perangkaan (DOS).

Pada 1 Jun 2009, YBhg Tan Sri Amirsham telah dilantik sebagai Pengerusi Majlis Tindakan Ekonomi Negara di mana beliau berkhidmat sehingga 31 Mei 2011.

Beliau memiliki Ijazah Kepujian dalam bidang Ekonomi dari Universiti Malaya. Beliau adalah seorang Akauntan Awam Bertauliah dan merupakan ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).

## AHLI PANEL



**YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff** merupakan Ketua Pengarah Unit Perancang Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam lebih 30 tahun. YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff pernah memegang pelbagai jawatan kanan di Kementerian Kewangan. Beliau merupakan Timbalan Ketua Setiausaha (Sistem dan Kawalan) di Kementerian Kewangan sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah EPU pada 19 Oktober 2011.

YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff menjadi ahli Lembaga Pengarah di beberapa agensi seperti Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS), Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand (MTJA), Lembaga Kemajuan Tanah

Persekutuan (FELDA), Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), Perbadanan Putrajaya dan MRT Corporation Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Ahli Majlis Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Lembaga Pelaburan dan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDIA) dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC).

YBhg Datuk Dr Rahamat Bivi Yusoff memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Ekonomi) (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau turut memegang Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Michigan Barat, Amerika Syarikat dan Doktor Falsafah dari Universiti Nasional Australia.

## SETIAUSAHA



**Puan Nuraini Ismail** merupakan Naib Presiden Perbendaharaan, PETRONAS. Beliau juga adalah Ahli Lembaga Pengarah dan/atau Ahli Jawatankuasa pelbagai syarikat dalam Kumpulan PETRONAS.

Puan Nuraini memulakan kerjaya di PETRONAS pada tahun 1992. Beliau telah memegang pelbagai jawatan kanan dalam Kumpulan PETRONAS termasuk Pengurus Besar Kanan, Perbendaharaan Kumpulan PETRONAS, Pengurus Besar, Perkhidmatan Perakaunan & Kewangan PETRONAS dan Pengurus Besar, Perkhidmatan Komersial Malaysia International Trading Corporation (MITCO) Sdn Bhd.

Pengalaman beliau termasuk dalam bidang perbendaharaan, audit, cukai, kewangan korporat,

perancangan korporat, kaedah dan sistem, perakaunan pengurusan dan kewangan, belanjawan kumpulan, penyatuan kumpulan, perdagangan kewangan, kawalan kredit, pemulihan pinjaman, penganalisa kewangan, operasi bank, logistik dan operasi dan pengurusan risiko.

Sebelum menyertai PETRONAS, beliau telah berkhidmat di dalam pelbagai organisasi termasuk Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bumiputra Merchant Bankers and Maybank Finance Berhad.

Puan Nuraini Ismail adalah Ahli Felo Association of Certified Chartered Accountants (ACCA) United Kingdom.

# MAKLUMAT LATAR BELAKANG KWAN

## Objektif dan matlamat

Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) telah ditubuhkan pada 18 Februari 1988 di bawah Akta KWAN 1988. Objektif penubuhan KWAN adalah untuk memastikan penggunaan optima hasil sumber-sumber asli negara yang merosot agar dapat memberi sumber pendapatan yang berterusan dan stabil demi faedah negara dan generasi akan datang.

Mengikut peruntukan Akta KWAN 1988, pihak-pihak yang wajar membuat sumbangan termasuklah Petroliaam Nasional Berhad, negeri-negeri yang mendapat apa-apa bentuk royalti daripada eksploitasi petroleum atau sumber-sumber asli yang menyusut dan pihak yang terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan sumber-sumber alam semulajadi.

## Penyeliaan dan pengurusan

Seperti yang termaktub di dalam Akta KWAN 1988, dana amanah ini diselia oleh Panel Pemegang Amanah (Panel KWAN) yang dilantik oleh Menteri Kewangan manakala pengurusan dan pentadbiran harian dana dipertanggungjawabkan ke atas Bank Negara Malaysia (BNM).

## Penggunaan dana


Seksyen 6 Akta KWAN memperuntukkan penggunaan dana KWAN. Setakat ini, jumlah dana yang telah digunakan adalah sebanyak RM42.0 juta untuk membiayai projek Malaysia Wetland Sanctuary di Ulu Langat (projek pemeliharaan tanah dan ekosistem).

# LAPORAN PENGURUS DANA

## SEJARAH PENCAPAIAN PELABURAN KWAN

### Perkembangan pelaburan KWAN sejak penubuhan


Ringkasan sejarah perluasan skop pelaburan dana KWAN adalah seperti tertera di bawah:-



Sejak penubuhannya, skop pelaburan dana KWAN telah diperluaskan dari masa ke semasa, selaras dengan peningkatan dana KWAN, bagi meningkatkan lagi pulangan dan kepelbagaian dalam pelaburan.

## Pencapaian pertumbuhan saiz dana

Carta di bawah menunjukkan pencapaian pertumbuhan saiz dana sejak tahun 2002:-



Berdasarkan Penyata Kewangan 2013 yang telah diaudit, dana terkumpul KWAN setakat 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM9.513 bilion, mencatatkan peningkatan sebanyak RM2.524 bilion daripada RM6.989 bilion pada 31 Disember 2012. KWAN mencatat pertumbuhan nilai aset bersih sebanyak 24.7% pada tahun 2013 berbanding dengan 13.0% pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh sumbangan daripada PETRONAS sebanyak RM2.0 bilion dan keuntungan bersih pelaburan sebanyak RM416.0 juta.

Metodologi pengiraan purata peningkatan dana ini adalah berdasarkan purata pertumbuhan saiz dana selama tiga tahun (perbezaan nilai aset) termasuk tahun yang berkenaan. Sebagai contoh, purata pertumbuhan saiz dana bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 diambil kira untuk pengiraan pertumbuhan dana untuk 2013.



## PELABURAN DANA KWAN


### Kelas-kelas aset pelaburan

Pelaburan KWAN adalah tertakluk kepada peruntukan Akta KWAN dan kelulusan Menteri Kewangan. Untuk melaksanakan peruntukan Akta KWAN dengan baik, Panel KWAN telah merangka dasar dan garis panduan untuk mentadbir dan mengurus pelaburan KWAN. Strategi pelaburan dirangka berdasarkan jangkaan pendapatan yang bergantung kepada pandangan pasaran dan kelas aset berkenaan.

Dana KWAN dilaburkan dalam pasaran tempatan dan luar negara melalui pelbagai kelas aset dan matawang. Pelaburan luar negara adalah dalam matawang asing utama dan Asia dan juga dalam bulion emas. Pelaburan dalam matawang asing adalah termasuk dalam Dolar Amerika, Euro, Paun Sterling, Dolar Australia, Dolar Singapura dan Dolar Hong Kong. Ianya akan dilanjutkan lagi kepada matawang negara Asia lain untuk kepelbagaian risiko pelaburan serta memperoleh kadar pulangan yang lebih tinggi berbanding dengan pasaran maju. Dalam persekitaran yang mencabar ini, permulaan pelaburan dalam matawang negara Asia seperti Baht Thai, Rupiah Indonesia dan Won Korea bergantung kepada prospek pemulihan dan kestabilan ekonomi di sekitar rantau Asia. Antara penunjuk pemulihan yang berkesan adalah pengukuhan berterusan dalam permintaan luar dan dalam negeri terutamanya perdagangan serantau dengan China.

Dana KWAN dilaburkan dalam simpanan tetap dan sekuriti kerajaan, agensi kerajaan, supranasional, syarikat-syarikat Malaysia yang teguh dan Dana Bon Asia. Dalam pasaran tempatan, pelaburan diperluaskan ke dalam pasaran ekuiti melalui program pengurusan dana luar dan pegangan saham dalam Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. Peruntukan Akta KWAN menghadkan pelaburan ekuiti kepada saham tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia.

Ringkasan skop pelaburan KWAN adalah seperti berikut:-



### Pengurusan pelaburan dana – dalaman dan luar


Bank Negara Malaysia bertanggungjawab untuk mengurus pentadbiran harian dana termasuk pelaburan dana. Sebahagian besar pelaburan dana diurus secara dalaman manakala program pengurusan dana luar digunakan untuk sebahagian pelaburan tempatan. Program pengurusan dana luar bermula pada tahun 2006 dengan mandat sekuriti kerajaan dan korporat, yang kemudiannya ditumpukan kepada sekuriti korporat sahaja yang menawarkan kadar pulangan yang lebih tinggi. Program ini diperluaskan dengan mandat ekuiti tempatan bermula dari tahun 2012.

# KEDUDUKAN KEWANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2013

### Jumlah dana dan kadar pulangan KWAN

Jumlah dana terkumpul KWAN pada 31 Disember 2013 adalah RM9,512.8 juta dan kadar pulangan yang dicatatkan adalah 6.2%. Maklumat lanjut mengenai peningkatan jumlah dana dan pencapaian kadar pulangan KWAN sejak penubuhannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam carta di bawah:-




| TAHUN | JUMLAH ASET (RM JUTA) | KADAR PULANGAN ATAS ASET (%) |
|-------|-----------------------|------------------------------|
| 1988  | 114.2                 | 12.5                         |
| 1989  | 227.0                 | 7.6                          |
| 1990  | 391.6                 | 21.1                         |
| 1991  | 545.9                 | 11.8                         |
| 1992  | 869.7                 | 3.4                          |
| 1993  | 1,071.6               | 10.6                         |
| 1994  | 1,200.4               | 2.5                          |
| 1995  | 1,400.3               | 7.8                          |
| 1996  | 1,530.1               | 2.0                          |
| 1997  | 1,902.3               | 15.9                         |
| 1998  | 2,159.7               | 7.8                          |
| 1999  | 2,324.8               | 2.9                          |
| 2000  | 2,491.5               | 2.4                          |
| 2001  | 2,681.1               | 3.9                          |
| 2002  | 2,980.4               | 7.0                          |
| 2003  | 3,408.3               | 10.3                         |
| 2004  | 3,770.3               | 7.3                          |
| 2005  | 3,870.3               | 0.0                          |
| 2006  | 4,072.9               | 2.6                          |
| 2007  | 4,299.4               | 3.0                          |
| 2008  | 4,431.4               | 0.7                          |
| 2009  | 4,898.7               | 8.2                          |
| 2010  | 4,935.4               | -1.3                         |
| 2011  | 5,682.3               | 4.7                          |
| 2012  | 6,988.6               | 4.8                          |
| 2013  | 9,512.8               | 6.2                          |



## Komposisi matawang KWAN

Kedudukan pelaburan KWAN pada 31 Disember 2013 berbanding dengan tahun 2012 dari segi matawang adalah seperti berikut:-



## Kedudukan Kewangan KWAN

Setakat 31 Disember 2013, aset KWAN berjumlah RM9,512.8 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM4,472.88 juta atau 47.0% (2012: RM3,543.96 juta atau 50.7%) dilaburkan dalam pasaran luar negara terutamanya dalam bentuk sekuriti (kerajaan, supranasional, agensi dan syarikat-syarikat Malaysia yang teguh). Pelaburan dalam matawang asing termasuk pelaburan berjumlah RM546.32 juta dalam matawang Dolar Singapura dan Dolar Hong Kong dalam bentuk Dana Bon Asia. Emas, yang dianggap sebagai pelindung nilai terhadap peningkatan kadar inflasi, mengalami tekanan penurunan harga kerana pandangan tekanan inflasi yang sederhana. Berdasarkan jangkaan penurunan harga yang berterusan ini, pegangan bulion emas sebanyak RM664.37 juta telah dijual untuk merealisasi keuntungan.

Jumlah dana yang selebihnya sebanyak RM5,039.91 juta atau 53.0% (2012: RM2,780.2 juta atau 39.8%) telah dilaburkan dalam pasaran tempatan terutamanya dalam bentuk sekuriti (kerajaan, supranasional, agensi dan korporat), simpanan tetap dengan institusi-institusi kewangan Malaysia serta pegangan saham dalam Putrajaya Holdings Sdn Bhd. Jumlah ini termasuk pelaburan dalam sekuriti dan ekuiti melalui program pengurusan dana luar.

Dalam tahun 2013, KWAN memperoleh keuntungan bersih sebanyak RM416.0 juta, peningkatan sebanyak RM40.8 juta atau 10.9% berbanding RM375.2 juta bagi tahun 2012. Keuntungan bersih disumbangkan oleh pendapatan kupon dan dividen sebanyak RM255.0 juta, keuntungan yang direalisasikan daripada urusan matawang asing dan pegangan bulion emas dan sekuriti sebanyak RM38.4 juta dan pendapatan daripada dana yang diuruskan oleh pengurus dana luar sebanyak RM122.6 juta. Dengan mengambil kira keuntungan bersih daripada penilaian semula pertukaran matawang asing dan sekuriti (portfolio sedia untuk jualan) yang berjumlah RM107.8 juta dalam tahun 2013 (2012: kerugian RM69.6 juta) jumlah keuntungan keseluruhan adalah sebanyak RM523.8 juta (2012: sebanyak RM305.6 juta). Pencapaian ini telah menyumbangkan pulangan atas asset purata KWAN sebanyak 6.2% bagi tahun 2013, meningkat daripada pulangan sebanyak 4.8% bagi tahun 2012. Kadar pulangan ini termasuk pulangan yang dijana di bawah program pengurusan dana luar sebanyak 3.6% untuk mandat bon korporat dan 13.3% untuk mandat ekuiti bagi tahun 2013.

Semenjak ditubuhkan dalam tahun 1988, KWAN telah berjaya memperoleh keuntungan terkumpul (setelah diambilkira kerugian dalam rizab pertukaran matawang asing dan penilaian semula sekuriti) berjumlah RM3,511.6 juta (2012: RM2,987.8 juta). Dengan mengambil kira caruman terkumpul daripada PETRONAS berjumlah RM6,000 juta dan liabiliti lain (fi terakru) sebanyak RM1.2 juta, maka jumlah dana terkumpul KWAN pada 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM9,512.8 juta (2012: RM6,988.6 juta).

# PENYATA PENGURUSAN RISIKO

Risiko pelaburan KWAN dipantau bagi memastikan risiko berikut dibendung pada tahap yang boleh diterima:

## i. Risiko Pasaran

Risiko pasaran ialah risiko dedahan pelaburan KWAN mengalami kerugian nilai harga pasaran akibat pergerakan negatif seperti kadar tukaran asing, kadar faedah dan harga ekuiti. Risiko pasaran dipantau pada asas harian dan semua pelaburan serta instrumen akan dinilai mengikut pasaran. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Panel KWAN mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan juga boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui had pengurusan risiko dan garis panduan pelaburan yang diluluskan. Analisis kepekaan dan ujian ketahanan dijalankan bagi menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan turun naik dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

## ii. Risiko Kredit

Risiko kredit ialah risiko pelaburan yang tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah sepenuhnya disebabkan oleh kemungkiran penerbit hutang atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada KWAN. Satu rangka kerja risiko kredit berasaskan penarafan yang komprehensif diwujudkan bagi mengawasi tahap dedahan kredit yang dibenarkan dalam pelaburan KWAN. Rangka kerja tersebut juga meningkatkan keberkesanan operasi KWAN dan memastikan dana KWAN dilaburkan dengan pihak yang mempunyai kualiti kredit yang tinggi serta kebarangkalian kerugian yang rendah. Dasar dan penilaian berterusan terhadap pendedahan kredit memastikan matlamat pengekalan modal dapat dicapai.

## iii. Risiko Operasi

Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Mekanisma pengawalan risiko operasi yang menyeluruh juga membantu usaha mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi KWAN supaya tindakan dapat diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

Kesimpulannya, pengurusan risiko KWAN disokong oleh persekitaran kawalan mantap yang merangkumi polisi dan prosedur yang komprehensif juga tadbir urus yang telus.



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dana Terkumpul serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan dasar perakaunan utama dan nota penjelasan yang lain.

*Tanggungjawab Panel Pemegang Amanah Terhadap Penyata Kewangan*

Panel Pemegang Amanah bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama selaras dengan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia. Panel Pemegang Amanah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan bebas daripada salah nyata atau ketinggalan yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata atau ketinggalan yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan

dalam yang bersesuaian dengan Kumpulan Wang Amanah Negara dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalam Kumpulan Wang Amanah Negara. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta menilai persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

#### *Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dalam semua aspek yang ketara, selaras dengan Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988 dan piawaian pelaporan kewangan berkaitan yang diluluskan di Malaysia. Penyediaan penyata kewangan ini adalah berbeza dalam beberapa aspek daripada piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia.

#### **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Yang Lain**

Selaras dengan keperluan Seksyen 15 Akta Kumpulan Wang Amanah Negara 1988, saya turut melaporkan bahawa peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 adalah terpakai bagi Kumpulan Wang Amanah Negara.



**(TOHA BIN SHARIF)**

b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
31 MAC 2014




# PENYATA AHLI PANEL

## KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Kami, Tan Sri Dato' Shamsul Azhar Abbas dan Dato' Mat Noor Nawi, yang merupakan Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, Kumpulan Wang Amanah Negara, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Panel, penyata kewangan ini disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan Wang Amanah Negara pada 31 Disember 2013 dan hasil operasi, aliran tunainya dan perubahan dalam dana terkumpul bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Panel,



**TAN SRI DATO' SHAMSUL AZHAR ABBAS**  
PENGERUSI



**DATO' MAT NOOR NAWI**  
TIMBALAN PENGERUSI

KUALA LUMPUR

**31 MAR 2014**

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Saya, Eugene Hon Kah Weng, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Kumpulan Wang Amanah Negara, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dana Terkumpul dan Penyata Aliran Tunai berserta dengan Nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas )  
di Kuala Lumpur )  
pada **31 MAR 2014** )



Di hadapan saya,



ALAMAT PERKHIDMATAN ★  
BANK NEGARA MALAYSIA  
JALAN DATO' ONN  
50480 KUALA LUMPUR



# PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

## PADA 31 DISEMBER 2013

|                                            |      | 2013                 | 2012                 |
|--------------------------------------------|------|----------------------|----------------------|
|                                            | Nota | RM                   | RM                   |
| <b>Aset</b>                                |      |                      |                      |
| Pelaburan Asing                            | 3    | 4,472,883,953        | 4,208,335,712        |
| Pelaburan Dalam Ekuiti                     | 4    | 440,000,000          | 440,000,000          |
| Sekuriti Tempatan                          | 5    | 2,024,714,111        | 1,238,248,943        |
| Pengurusan Dana Tempatan                   | 6    | 1,862,125,540        | 713,232,557          |
| Aset-aset Lain                             | 7    | 23,657,563           | 26,926,224           |
| Deposit Tempatan                           | 8    | 689,408,500          | 361,836,401          |
| Baki Bank                                  |      | 447                  | 910                  |
| <b>Jumlah Aset</b>                         |      | <b>9,512,790,114</b> | <b>6,988,580,747</b> |
| <b>Liabiliti</b>                           |      |                      |                      |
| Liabiliti-liabiliti Lain                   | 9    | 1,192,098            | 765,125              |
| <b>Jumlah Liabiliti</b>                    |      | <b>1,192,098</b>     | <b>765,125</b>       |
| <b>Dana Terkumpul</b>                      |      |                      |                      |
| Caruman Dana                               | 10   | 6,000,000,000        | 4,000,000,000        |
| Rizab Pertukaran Asing                     |      | (7,848,729)          | (151,802,469)        |
| Rizab Penilaian Semula                     |      | (36,364,123)         | (224,750)            |
| Kumpulan Wang Rizab Am                     |      | 3,555,810,868        | 3,139,842,841        |
| <b>Jumlah Dana Terkumpul</b>               |      | <b>9,511,598,016</b> | <b>6,987,815,622</b> |
| <b>Jumlah Liabiliti dan Dana Terkumpul</b> |      | <b>9,512,790,114</b> | <b>6,988,580,747</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.



# PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

|                                                                            | 2013<br>RM          | 2012<br>RM          |
|----------------------------------------------------------------------------|---------------------|---------------------|
| <b>Pendapatan</b>                                                          |                     |                     |
| Pendapatan Asing                                                           |                     |                     |
| Sekuriti                                                                   | 106,537,582         | 107,514,850         |
| Dana Bon Asia                                                              | 11,030,810          | 4,959,288           |
| Deposit                                                                    | 2,853,281           | 818,064             |
| Nostro                                                                     | -                   | 3,709               |
|                                                                            | <u>120,421,673</u>  | <u>113,295,911</u>  |
| Keuntungan / (Kerugian) Urusan Mata Wang Asing                             | 2,818,084           | (116,482)           |
| Keuntungan daripada Penjualan Pelaburan Asing                              | <u>33,626,831</u>   | <u>139,464,260</u>  |
| Jumlah Pendapatan Asing                                                    | <u>156,866,588</u>  | <u>252,643,689</u>  |
| <br>Pendapatan Tempatan                                                    |                     |                     |
| Sekuriti                                                                   | 66,064,310          | 48,545,652          |
| Deposit                                                                    | 29,703,069          | 13,358,737          |
| Pengurusan Dana Tempatan                                                   | 126,263,844         | 28,576,530          |
| Ekuiti                                                                     | <u>39,600,000</u>   | <u>30,800,000</u>   |
|                                                                            | <u>261,631,223</u>  | <u>121,280,919</u>  |
| Keuntungan daripada Penjualan Pelaburan Tempatan                           | <u>1,913,823</u>    | <u>3,046,942</u>    |
| Jumlah Pendapatan Tempatan                                                 | <u>263,545,046</u>  | <u>124,327,861</u>  |
| <b>Jumlah Pendapatan</b>                                                   | <b>420,411,634</b>  | <b>376,971,550</b>  |
| <br><b>Tolak: Perbelanjaan Operasi</b>                                     |                     |                     |
| Caj Perbankan & Yuran Nominee                                              | 727,453             | 332,839             |
| Yuran Pengurus Dana Tempatan                                               | 3,701,854           | 1,462,039           |
| Yuran Audit                                                                | 14,300              | 13,000              |
| Lain-lain                                                                  | -                   | 10,115              |
| Jumlah Perbelanjaan Operasi                                                | <u>4,443,607</u>    | <u>1,817,993</u>    |
| <b>Pendapatan Bersih Bagi Tahun Semasa</b>                                 | <b>415,968,027</b>  | <b>375,153,557</b>  |
| <br><b>Pendapatan Komprehensif Lain</b>                                    |                     |                     |
| Keuntungan/(Kerugian) daripada penilaian semula pertukaran mata wang asing | 143,953,740         | (69,365,530)        |
| Kerugian daripada penilaian semula ke atas Portfolio Sedia Untuk Jualan    | <u>(36,139,373)</u> | <u>(224,750)</u>    |
|                                                                            | <u>107,814,367</u>  | <u>(69,590,280)</u> |
| <b>Jumlah Pendapatan Komprehensif Bagi Tahun Semasa</b>                    | <b>523,782,394</b>  | <b>305,563,277</b>  |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA PERUBAHAN DANA TERKUMPUL

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

|                                                                         | Caruman Dana         | Rizab<br>Pertukaran<br>Asing | Rizab<br>Penilaian<br>Semula | Kumpulan<br>Wang Rizab<br>Am | Jumlah               |
|-------------------------------------------------------------------------|----------------------|------------------------------|------------------------------|------------------------------|----------------------|
|                                                                         | RM                   | RM                           | RM                           | RM                           | RM                   |
| Baki pada 1 Januari 2012                                                | 3,000,000,000        | (82,436,939)                 | -                            | 2,764,689,284                | 5,682,252,345        |
| Sumbangan daripada PETRONAS                                             | 1,000,000,000        | -                            | -                            | -                            | 1,000,000,000        |
| Pendapatan Bersih bagi Tahun Semasa                                     | -                    | -                            | -                            | 375,153,557                  | 375,153,557          |
| Kerugian daripada penilaian semula pertukaran mata wang asing           | -                    | (69,365,530)                 | -                            | -                            | (69,365,530)         |
| Kerugian daripada penilaian semula ke atas Portfolio Sedia Untuk Jualan | -                    | -                            | (224,750)                    | -                            | (224,750)            |
| <b>Baki pada 31 Disember 2012</b>                                       | <b>4,000,000,000</b> | <b>(151,802,469)</b>         | <b>(224,750)</b>             | <b>3,139,842,841</b>         | <b>6,987,815,622</b> |
| Baki pada 1 Januari 2013                                                | 4,000,000,000        | (151,802,469)                | (224,750)                    | 3,139,842,841                | 6,987,815,622        |
| Sumbangan daripada PETRONAS                                             | 2,000,000,000        | -                            | -                            | -                            | 2,000,000,000        |
| Pendapatan Bersih bagi Tahun Semasa                                     | -                    | -                            | -                            | 415,968,027                  | 415,968,027          |
| Keuntungan daripada penilaian semula pertukaran mata wang asing         | -                    | 143,953,740                  | -                            | -                            | 143,953,740          |
| Kerugian daripada penilaian semula ke atas Portfolio Sedia Untuk Jualan | -                    | -                            | (36,139,373)                 | -                            | (36,139,373)         |
| <b>Baki pada 31 Disember 2013</b>                                       | <b>6,000,000,000</b> | <b>(7,848,729)</b>           | <b>(36,364,123)</b>          | <b>3,555,810,868</b>         | <b>9,511,598,016</b> |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# PENYATA ALIRAN TUNAI

## BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

|                                                                    | 2013<br>RM             | 2012<br>RM           |
|--------------------------------------------------------------------|------------------------|----------------------|
| <b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi</b>                      |                        |                      |
| Bayaran Kos Operasi                                                | (4,016,634)            | (315,685)            |
| <b>Tunai Dibayar Untuk Aktiviti Operasi</b>                        | <b>(4,016,634)</b>     | <b>(315,685)</b>     |
| <b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan</b>                    |                        |                      |
| Penerimaan Pendapatan Asing                                        | 259,672,920            | 263,660,988          |
| Penerimaan Pendapatan Tempatan                                     | 139,518,758            | 80,642,502           |
| Penambahan Pelaburan Asing                                         | (259,540,206)          | (706,976,813)        |
| Penambahan Sekuriti Tempatan                                       | (784,551,344)          | (304,075,876)        |
| Penambahan Pelaburan dengan Pengurusan Dana Tempatan               | (1,023,511,858)        | (260,056,546)        |
| <b>Aliran Tunai Bersih yang digunakan untuk Aktiviti Pelaburan</b> | <b>(1,668,411,730)</b> | <b>(926,805,745)</b> |
| <b>Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan</b>                   |                        |                      |
| Sumbangan daripada PETRONAS                                        | 2,000,000,000          | 1,000,000,000        |
| <b>Peningkatan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai</b>         | <b>327,571,636</b>     | <b>72,878,570</b>    |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada Awal Tahun                         | 361,837,311            | 288,958,741          |
| <b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun</b>                 | <b>689,408,947</b>     | <b>361,837,311</b>   |
| <b>Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun Merangkumi:</b>     |                        |                      |
| Baki Bank                                                          | 447                    | 910                  |
| Deposit                                                            | 689,408,500            | 361,836,401          |
|                                                                    | <b>689,408,947</b>     | <b>361,837,311</b>   |

Nota-nota yang disertakan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

# NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2013

## 1. Kegiatan Utama

Kegiatan utama Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) adalah mengurus dana yang disumbangkan oleh industri sumber-sumber asli negara yang semakin merosot supaya dapat memberikan sumber pendapatan yang berterusan dan stabil, demi faedah generasi akan datang dan negara.

## 2. Dasar-dasar Perakaunan

### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan perakaunan kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### (b) Pertukaran Mata Wang Asing

- (i) Penyata Kewangan ini disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat KWAN beroperasi.
- (ii) Aset dalam mata wang asing telah dinilai semula kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Urus niaga dalam mata wang asing di sepanjang tahun telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia mengikut kadar pertukaran semasa pada tarikh nilai.
- (iii) Keuntungan atau kerugian bagi penilaian semula yang belum direalisasi berikutan perubahan kadar pertukaran direkodkan dalam Rizab Pertukaran Asing.

### (c) Pelaburan dalam Sekuriti dan Ekuiti

Pelaburan dalam sekuriti dan ekuiti adalah dinyatakan pada kos. Pelaburan sekuriti diselaraskan dengan pelunasan premium atau akresi diskaun sekuriti tersebut dan dikira berdasarkan kaedah garis lurus dari tarikh pembelian sehingga tarikh matang.

### (d) Dana Bon Asia

Pelaburan dalam Dana Bon Asia (Asian Bond Fund) adalah dinyatakan pada nilai pasaran. Keuntungan atau kerugian bersih terkumpul berikutan perubahan harga pasaran portfolio pelaburan pada tarikh penyata kedudukan kewangan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian belum direalisasi dalam Rizab Penilaian Semula.

Keuntungan atau kerugian belum direalisasi terkumpul dalam Rizab Penilaian Semula akan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan di dalam penyata pendapatan komprehensif apabila pelaburan dijual.

- (e) Pelaburan oleh Pengurus Dana Luar Tempatan

Portfolio pelaburan yang diurus oleh Pengurus Dana Luar Tempatan adalah dinyatakan pada nilai pasaran. Keuntungan atau kerugian daripada penjualan pelaburan dan keuntungan atau kerugian belum direalisasi terkumpul berikutan perubahan harga pasaran portfolio pelaburan pada tarikh penyata kedudukan kewangan diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata pendapatan komprehensif.

- (f) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki bank dan deposit dengan institusi-institusi kewangan berlesen bagi tujuan keperluan kecairan. Penyata aliran tunai disediakan secara kaedah langsung.

- (g) Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan operasi dikira mengikut kaedah asas akrual.

### 3. Pelaburan Asing

|                    | 2013<br>RM           | 2012<br>RM           |
|--------------------|----------------------|----------------------|
| Sekuriti           | 3,614,943,214        | 2,921,229,855        |
| Dana Bon Asia      | 546,315,349          | 542,060,515          |
| Emas               | -                    | 664,371,469          |
| Deposit            | 186,963,200          | 36,565,530           |
| Pendapatan Terakru | 49,769,338           | 42,248,761           |
| Akaun Belum Terima | 1,264,710            | 500,574              |
| Baki Nostro        | 73,628,142           | 1,359,008            |
|                    | <u>4,472,883,953</u> | <u>4,208,335,712</u> |

|                                | 2013<br>RM    | 2012<br>RM    |
|--------------------------------|---------------|---------------|
| Nilai Pasaran pada 31 Disember |               |               |
| Sekuriti                       | 3,657,316,147 | 3,059,226,522 |
| Dana Bon Asia                  | 546,315,349   | 542,060,515   |
| Emas                           | -             | 785,786,030   |
|                                | <u></u>       | <u></u>       |

#### 4. Pelaburan Dalam Ekuiti

|                              | 2013<br>RM  | 2012<br>RM  |
|------------------------------|-------------|-------------|
| Putrajaya Holdings Sdn. Bhd. | 440,000,000 | 440,000,000 |

#### 5. Sekuriti Tempatan

|                                | 2013<br>RM    | 2012<br>RM    |
|--------------------------------|---------------|---------------|
| Sekuriti Kerajaan              | 150,614,347   | 63,777,187    |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan    | 123,294,250   | 62,515,450    |
| Bon Korporat                   | 750,858,121   | 507,713,718   |
| Sukuk Korporat                 | 999,947,393   | 566,463,093   |
| Kertas Komersial               | -             | 37,779,495    |
|                                | 2,024,714,111 | 1,238,248,943 |
| Nilai Pasaran pada 31 Disember | 2,003,028,955 | 1,250,941,554 |

#### 6. Pengurusan Dana Tempatan

Ini merupakan dana yang diurus oleh pengurus dana tempatan yang dilantik oleh KWAN dan merangkumi aset-aset berikut:

|                             | 2013<br>RM    | 2012<br>RM  |
|-----------------------------|---------------|-------------|
| Sekuriti pada nilai pasaran | 911,672,207   | 486,853,214 |
| Ekuiti pada nilai pasaran   | 824,999,303   | 161,329,421 |
| Deposit                     | 117,042,000   | 59,396,000  |
| Akaun Penerimaan Bersih     | 7,911,525     | 5,653,691   |
| Baki Bank                   | 500,505       | 231         |
|                             | 1,862,125,540 | 713,232,557 |

## 7. Aset-aset Lain

Aset-aset lain termasuk pendapatan terakru daripada pelaburan dalam sekuriti, ekuiti dan deposit.

## 8. Deposit Tempatan

Ini merupakan deposit yang disimpan dengan institusi kewangan berlesen tempatan.

|               | 2013<br>RM  | 2012<br>RM  |
|---------------|-------------|-------------|
| Deposit Tetap | 689,408,500 | 361,836,401 |

## 9. Liabiliti-liabiliti Lain

Liabiliti-liabiliti lain merupakan yuran audit dan yuran pengurus dana tempatan yang belum dibayar.

## 10. Caruman Dana

Caruman Dana merupakan sumbangan terkumpul daripada PETRONAS.

## 11. Cukai Pendapatan

KWAN dikecualikan daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan semua pendapatan bagi tahun taksiran 1989 dan tahun-tahun taksiran berikutnya seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 22) 1991.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong



